

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : NASIONAL

BH kuantas / 27.3.25 Nasional M/s 17

Beri kelonggaran jururawat dari Sarawak balik berkhidmat di negeri asal

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) disaran memberi kelonggaran kepada jururawat dari Sarawak untuk kembali berkhidmat di negeri itu bagi mengatasi kekurangan perjawatan terbabit yang dilaporkan kian meruncing.

Presiden Kesatuan Jururawat Malaya (MNU), Saaidah Athman, berkata sudah tiba masanya KKM melakukan perubahan yang lebih proaktif dengan mengambil kira situasi mendesak, terutama kekurangan jawatan jururawat dilaporkan di Sabah dan Sarawak.

"Beri keutamaan kepada warga Sarawak untuk berkhidmat di negeri sendiri. Ini antara cara untuk atasi masalah kekurangan jururawat di Sabah dan Sarawak.

"Ada banyak sebab jururawat tidak memohon untuk ditempatkan di Sabah dan Sarawak, an-

taranya masalah atau komitmen keluarga termasuk anak atau ibu bapa sakit selain pelbagai sebab lain," katanya kepada BH.

Sebelum ini, Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Dr Sim Kui Hian, berkata lebih 800 jururawat dari Sarawak yang kini bertugas di luar negeri berhasrat untuk berkhidmat di kampung halaman mereka.

Dr Sim yang juga Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, berkata, ketika ini terdapat kekosongan jawatan

di Sarawak bagi memenuhi permintaan terbabit.

Isu mengenai kekurangan jururawat turut dijawab Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang, yang memaklumkan sedang mengambil beberapa langkah perlu bagi mengatasi isu kekurangan jururawat.

Katanya, antara faktor terda-

pat jururawat memilih berhenti kerja berikutan ditempatkan untuk bertugas bukan di negeri asal mereka.

Saaidah berkata, perkara lain yang perlu dipertimbangkan KKM adalah menawarkan kenaikan pangkat kepada jururawat yang memenuhi kriteria ditetapkan, selain menaikkan elaun tertentu khususnya bagi yang bertugas di kawasan pedalaman.

"Cadangan kami agar elaun bertugas di kawasan pedalaman dinaikkan. Ketika ini kadar elaun ini sekitar RM500 ke RM1,000 bergantung kepada kawasan penempatan.

"Begitu juga kami berharap elaun pos asas yang ketika ini hanya RM100 dinaikkan kepada RM500.

"Satu lagi cara untuk menarik minat jururawat (bekerja di Sabah dan Sarawak), perkenalkan elaun baharu seperti elaun shift dan kehadiran," katanya yang turut memberitahu akan mengemukakan kertas kerja sedikit masa lagi untuk mengemukakan tuntutan sedemikian.

Katanya, jika KKM gagal me-



Isu kekurangan jururawat terutama di Sabah dan Sarawak perlu ditangani segera.

(Foto hiasan)

nangani isu kekurangan jururawat dalam kadar segera, dibimbangi negara bukan sahaja kehilangan lebih ramai tenaga mahir tempatan, malah terpaksa membawa masuk petugas kesihatan dari luar negara.

"Jika dalam kenyataan Menteri Kesihatan sebelum ini, beliau berkata menjelang 2027, ke-

kurangan jururawat di fasiliti awam dianggarkan 6,000 orang.

"Tetapi setakat Mac tahun ini, kekurangan jururawat (di fasiliti kerajaan) sudah pun sekitar 9,000 orang, jadi mungkin akan datang Malaysia terpaksa import jururawat dari negara luar seperti India dan Thailand untuk bekerja di sini," katanya.